



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN KELANTAN**

---

**MODUL KOLEKSI ITEM  
PERCUBAAN SPM  
2024**

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 2**

---

***UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA***

**SKEMA  
PEMARKAHAN**

---

**MARKAH PENUH : 100 MARKAH****BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada

Soalan 1: **8** markah

Soalan 2: **6** markah

Soalan 3: **13** markah

Soalan 4: **4** markah

Soalan 5: **4** markah

**Perhatian bagi Soalan 1**

1. Berikan 1 markah bagi setiap kata adjektif yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul dan gramatis dengan menggunakan kata adjektif tersebut.
3. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda baca yang betul.
4. Sekiranya beberapa kata yang diuji telah digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat sahaja.
5. Kata yang diuji salah tetapi ayat yang dibina betul, berikan 0 markah.
6. Calon menyalin / meniru sebahagian atau keseluruhan ayat daripada petikan atau mana-mana bahagian dalam keseluruhan kertas soalan - 0 markah.
7. Kata adjektif digunakan sebagai kata nama khas, peribahasa atau digandakan, berikan 0 markah.
8. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, berikan 0 markah.
9. Maksud ayat tidak jelas, berikan 0 markah.
10. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan markah yang diperolehi.

**Soalan 1 – Morfologi****Kata Adjektif**

- (i) lancar  
terlalu pantas, licin, fasih (pergerakan sesuatu benda, percakapan, dan lain-lain)
- (ii) penting  
amat perlu, sangat berharga (berguna), mustahak
- (iii) meriah  
1. riang gembira, bersuka ria  
2. besar-besaran, ramai  
3. upacara (kebesaran atau kemuliaan dan lain-lain)
- (iv) jauh  
1. besar jaraknya, tidak dekat  
2. tempat yg besar jaraknya (dr tempat tertentu), tempat yg tidak dekat

(v) halus

1. tidak besar (kasar), kecil-kecil
2. sangat kecil ukuran kelilingnya (bkn jarum, benang dll)
3. tidak kesat (kasap), lembut, licin
4. berbudi bahasa yg baik, beradab, bersopan santun
5. kelihatan elok dan rapi (hasil drpd kerja yg teliti)
6. dgn teliti, dgn cermat atau hati-hati, secara terperinci
7. tidak langsung atau terang-terangan tetapi dalam atau tajam maksudnya (bkn percakapan, sindiran, dll)
8. tidak garau tetapi tinggi (bkn suara dll)
9. tidak dapat dilihat (diraba) spt roh

**[Maksimum 8 markah]**

## Soalan 2 – Sintaksis

### Ayat Tunggal kepada ayat majmuk

- (i) Latihan berpedang tidak mengambil kira faktor markah tetapi mengasah kemahiran pemain tersebut.
- (ii) Sukan berpedang mempunyai peraturan dan disiplin tertentu yang perlu dipatuhi oleh penggiat dalam bidang ini.
- (iii) Tahap profesionalisme sukan berpedang perlu dipelihara kerana sukan ini melibatkan senjata.

**[Maksimum 6 markah]**

## Soalan 3 - Penyuntingan

### Bahan 1

- |        |                     |   |                          |
|--------|---------------------|---|--------------------------|
| (i)    | dan                 | - | hingga                   |
| (ii)   | sarjanamuda         | - | sarjana muda             |
| (iii)  | lain-lain kemudahan | - | kemudahan-kemudahan lain |
| (iv)   | perlantikan         | - | pelantikan               |
| (v)    | prosidur            | - | prosedur                 |
| (vi)   | tata cara           | - | tatacara                 |
| (vii)  | pertanyaan          | - | jawapan                  |
| (viii) | petang              | - | tengah hari              |

**[Maksimum 7 markah]**

### Bahan 2

- |       |                       |   |   |
|-------|-----------------------|---|---|
| (i)   | penyelidik            | - | menyelidik / menyelidiki                        |
| (ii)  | paling sesuai sungguh | - | paling sesuai / sesuai sungguh / sungguh sesuai |
| (iii) | dirangka              | - | dijangka  |
| (iv)  | kedua                 | - | kedua-dua                                       |
| (v)   | algoritme             | - | algoritma                                       |
| (vi)  | atas                  | - | dalam   |
| (vii) | ceburi                | - | menceburi                                       |

**[Maksimum : 6 markah]**

**Nota: Jawapan tidak semestinya mengikut urutan**

**Panduan pemarkahan menukarkan bahasa Melayu klasik kepada bahasa Melayu standard bagi Soalan 4**

Deskripsi	Markah
- Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	4
- Isi lengkap, mengikut urutan dan ayat <i>kurang</i> gramatis	2 - 3
- Isi <b>tidak</b> lengkap, mengikut urutan dan ayat gramatis	
- Isi <b>tidak</b> lengkap, mengikut urutan dan ayat <b>tidak</b> gramatis	1
- Ayat disalin bulat-bulat / Isi <b>tidak</b> mengikut urutan / salah fakta	0

**Soalan 4 - Bahasa Melayu Standard**

Waktu malam pun tiba. Laksamana memakai pakaian serba hitam lalu berjalan. Kertala Sari masuk. Laksamana melihat seorang perajurit / hulubalang; Laksamana bersembunyi di suatu tempat. Kertala Sari menyimpang ke tempat lain untuk mencuri / masuk mencuri.

Kertala Sari berhasrat / berniat / berhajat hendak mencuri harta raja; setelah harta raja itu habis dicuri lalu dia hendak membakar dan mengamuk. “Isteri-isteri raja yang masih muda itu akan kuambil / kujadikan sebagai isteri.”

**[Maksimum : 4 markah]**

**Soalan 5 - Peribahasa**

**Mengisi tempat kosong dengan peribahasa yang sesuai**

- (i) telur dihujung tanduk / retak menanti belah / nyawa bergantung di hujung kuku (rambut)
- (ii) sediakan payung sebelum hujan / mencegah / cegah sebelum parah / mencegah lebih baik daripada mengubati / merawat

**[maksimum : 4 markah]**

**Nota: Jawapan mesti mengikut urutan**

**BAHAGIAN B : PEMAHAMAN**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada :

Soalan 6: **13** markah

Soalan 7: **12** markah

Soalan 8: **10** markah

**Perhatian bagi soalan 6, 7 dan 8**

1. Jawapan hendaklah menggunakan ayat anda sendiri.
2. Jawapan hendaklah dalam ayat yang lengkap / sempurna.
3. Jawapan bagi soalan 8(ii) hendaklah berdasarkan mana-mana novel yang dipelajari.
4. Jika disalin bulat-bulat daripada teks dan jawapan itu betul, berikan separuh (50%) daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman****1. Soalan 2 markah : Pemahaman teks dan novel**

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat gramatis	2
- Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	
- Jawapan salah	0

**2. Soalan 3 markah : Pemahaman unsur KBAT**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	3
- Isi cukup (2 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat tidak gramatis	1
- Jawapan salah	0

**3. Pemahaman berdasarkan teks**

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / menyentuh semua bahan / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

**4. Soalan 4 markah : pemahaman unsur KBAT dan novel**

<b>DESKRIPSI</b>	<b>MARKAH</b>
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat gramatis	4
- Isi cukup (3 isi) / relevan dengan tugas / ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat gramatis	2
- Isi tidak cukup (2 isi) / ayat kurang gramatis	
- Isi tidak cukup (1 isi) / ayat kurang gramatis	1
- Jawapan salah	0

**Soalan 6**

	<b>Markah</b>
<b>(i) Maksud</b>	
- memiliki / ada / rupa / bentuk / sifat / ragi	2
- <i>mempunyai</i> rupa / bentuk / sifat / ragi	1
- memiliki / ada <i>corak</i>	1

**(ii) Langkah-langkah****Bahan 1**

- P1 melakar corak batik menggunakan lilin panas di atas kain putih  
 P2 proses mewarna dilakukan mengikut kesesuaian corak  
 P3 direndam di dalam sodium silikat  
 P4 kain batik direbus

**Bahan 2**

- P5 memateri kepingan logam menjadi blok  
 P6 meletakkan kepingan logam ke atas blok  
 P7 blok akan dicelup ke dalam cairan lilin dan dicapkan ke permukaan kain

**Bahan 3**

- P8 kain batik dijemur di tempat terbuka

**Nota: Jawapan calon mestilah berdasarkan semua bahan.**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**(iii) Punca-punca**

- P1 persaingan dengan batik jenis lain  
 P2 orang ramai kurang meminati batik / permintaan kurang  
 P3 pasaran terhad  
 P4 memerlukan kos yang tinggi / kos pembuatan batik meningkat  
 P5 sukar mendapatkan pekerja mahir  
 P6 tiada pewaris untuk meneruskan perusahaan ini

**(Punca lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

**(iv) Langkah-langkah**

- P1 memintanya mengikuti kelas lukisan / kursus berkaitan
- P2 memintanya mencari maklumat di pelbagai media
- P3 mencadangkan supaya mendapatkan pekerja mahir mencipta corak
- P4 mencadangkan agar beliau mendapatkan pandangan daripada rakan yang turut mengusahakan batik
- P5 memintanya menyertai persatuan pengusaha batik untuk berkongsi masalah / idea
- P6 memintanya berkunjung ke pameran batik / tempat mengusahakan batik

**(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum: 4 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

**Soalan 7****(i) Kesan-kesan**

- P1 kita terdedah kepada kehidupan yang bergolak
- P2 pasti kecewa jika / jikalau tidak tabah
- P3 resah / keresahan kerana mengalami derita / penderitaan

**Nota : Tidak menyalin bulat-bulat daripada teks puisi**

**[Maksimum : 2 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

**(ii) Tindakan-tindakan****Bahan 1**

- P1 Sebelum ditawan, saya sempat menukarkan pakaian seragam dan bertindak sebagai orang awam
- P2 Begitu juga dengan senjata, dapat saya buangkan terlebih awal bagi menyelamatkan nyawa saya.

**Bahan 2**

- P3 dia segera memuatkan isteri dan anak-anaknya ke dalam perahu lalu mengayuh ke arah bukit yang lebih tinggi
- P4 mengerah tenaga melawan arus yang terlalu deras itu
- P5 motosikal buruknya dibiarkan di situ

**Nota : Jawapan calon mestilah berdasarkan kedua-dua bahan**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**



**(iii) Punca-punca**

- P1 mengalami tekanan akademik
- P2 menggunakan media sosial secara tidak terkawal
- P3 mengalami masalah dalam keluarga
- P4 mangsa buli di sekolah
- P5 harapan ibu bapa terlalu tinggi dalam akademik
- P6 kurang didikan agama

**(Tindakan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 3 markah]**

**[Isi cukup : 2 isi]**

**(iv) Langkah-langkah**

- P1 memberi kata-kata semangat
- P2 saya akan sentiasa menemaninya
- P3 meminta ibu bapa saya melawatnya
- P4 meminta ibu bapa saya berbincang dengan keluarganya
- P5 memberitahu kepada pihak sekolah / kaunselor / guru
- P6 meminta bantuan daripada orang yang disegani
- P7 meminta bantuan orang yang rapat dengannya / rakan-rakan

**(Langkah lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**Soalan 8****(i) Perasaan**

- P1 rasa letih yang bukan kepalang
- P2 rasa sayu dalam hatinya.
- P3 memamah jiwa dan batinnya
- P4 benar-benar suatu penyeksaan yang menguji diri
- P5 mendera perasaannya sendiri

**Nota : Perlu disalin bulat-bulat daripada petikan**

**[Maksimum : 4 markah]**

**[Isi cukup : 3 isi]**

**Panduan pemarkahan bagi Soalan 8(ii)****(ii) Soalan novel : 6 markah**

- (a) Jawapan berdasarkan **dua** buah novel yang dipelajari.
- (b) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.
- (c) Beri 1 markah bagi setiap isi / peristiwa yang betul.
- (d) Beri 1 markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas bagi setiap isi.
- (e) Markah isi maksimum 4 markah (2 markah bagi setiap isi / peristiwa dan huraian / contoh).
- (f) Markah bahasa maksimum 2 markah, diberi secara kesan menyeluruh.
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- (g) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.
- (h) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum : 6 markah]**

*Jawapan bagi soalan berikut hendaklah berdasarkan teks novel Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*

8.(ii) *Jawab soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib
- (b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Nor
- (c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin
- (d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin
- (e) Songket Berbenang Emas karya Khairuddin Ayip
- (f) Tirani karya Beb Sabariah
- (g) Bimasakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop
- (h) Silir Daksina karya Nizar Parman

Berdasarkan **dua** novel yang anda kaji, jelaskan **satu** peristiwa yang sukar dilupakan oleh pembaca.

**[6 markah]**

### A. NOVEL PANTAI KASIH karya Azmah Nordin

1. **Peristiwa** : Doktor Raiha berusaha untuk memastikan pembedahan tulang sendi pinggul yang akan dilakukan olehnya ke atas Unong Siron berjaya. Doktor Raiha telah meneliti filem Sinar-X tulang sendi pinggul Unong Siron beberapa kali. Dia ingin mencari punca berlakunya infeksi sehingga pembedahan ke atas Unong Siron sebanyak lima kali itu gagal.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana kegigihan dalam melaksanakan tanggungjawab menjamin kejayaan.

2. **Peristiwa** : Ibu Unong Siron bijak menyelesaikan masalah doktor palsu yang menjadikan Sister Felisia Landosi sebagai tawanan di bilik bedah PRPK. Ibu Unong Siron berjaya memujuk pemuda kurang siuman itu dengan memintanya melakukan pembedahan ke atas anaknya dan memberikan susu yang mengandungi ubat penenang.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana sesuatu masalah perlu diselesaikan secara bijaksana agar tidak mendatangkan kesan buruk kepada mana-mana pihak.

3. **Peristiwa** : Doktor Raiha enggan menggugurkan kandungan apabila disuruh oleh suaminya, Doktor Sadiz setelah didapati janin yang dikandungnya itu cacat. Doktor Raiha tetap dengan keputusannya sehinggalah dia melahirkan Rohayu.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan pembaca kerana kasih sayang seorang ibu terhadap anak adalah tidak terbatas walaupun anak yang bakal dilahirkan cacat.

4. **Peristiwa** : Ibu Unong Siron menjaga Unong Siron yang terlantar sakit di PRPK kerana menjalani pembedahan penggantian tulang sendi pinggul. Wang pampasan yang diperoleh hampir habis digunakan untuk mengubati anaknya. Beliau juga sanggup tidur di atas lantai PRPK beralaskan tikar semasa menjaga Unong Siron.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana pengorbanan dan kasih sayang seorang ibu terhadap anak tidak ternilai harganya.

5. **Peristiwa**: Doktor Sadiz membakar kereta Porsche miliknya sehingga meragut nyawa anaknya, Rohayu yang berada berdekatan dengan kereta tersebut di tepi rumah tumpangan. Tindakan ini dilakukan oleh Doktor Sadiz kerana marah kepada Doktor Raiha yang cuba melarikan Rohayu. Doktor Sadiz hendak menghantar Rohayu ke Pusat Pemulihan Kanak-kanak Istimewa demi menjaga nama baiknya.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana tindakan seorang bapa yang tidak berperikemanusiaan menyebabkan anak kandung sendiri mati terbakar.

6. **Peristiwa** : Doktor Raiha telah memaafkan Sister Felicia Landosi yang terlibat secara tidak langsung dalam peristiwa Doktor Sadiz membakar keretanya sehingga menyebabkan kematian Rohayu. Doktor Sadiz menyuruhnya membeli minyak petrol.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana mendidik seseorang untuk memaafkan orang lain.

**Nota** : Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai

**B. NOVEL BIMASAKTI MENARI karya Sri Rahayu Mohd Yusop**

1. **Peristiwa** : Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman gigih berusaha melestarikan alam sekitar. Mereka memperkenalkan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor agar kecerahan langit dapat dikurangkan. Oleh itu, bintang-bintang akan dapat dilihat semula dengan mata kasar.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana memaparkan kegigihan golongan muda dalam melestarikan alam sekitar.

2. **Peristiwa** : Nurul Hafsa, Muhammad Taufik dan Budiman bekerjasama menjayakan projek Kawasan Simpan Langit Gelap di Kuala Selangor. Mereka menghadapi pelbagai cabaran daripada Dato' Johan Arlington-Majid yang berusaha untuk menggagalkan projek tersebut.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana menunjukkan kepentingan kejasama dalam menjayakan sesuatu matlamat.

3. **Peristiwa** : Nurul Hafsa baru bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin. Nurul Hafsa telah menjalankan tugas yang diberikan kepadanya dengan melayan kunjungan rombongan 15 orang pelajar dan 3 orang guru dari Jepun. Namun rombongan kanak-kanak ini tidak dapat mencerap bintang kerana keadaan langit cerah.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana peristiwa tersebut mendorong Nurul Hafsa berusaha bersungguh-sungguh untuk mengembalikan kegelapan malam di Kuala Selangor.

4. **Peristiwa** : Nurul Hafsa dan Budiman bergegas ke tempat kejadian Muhammad Taufik dipukul oleh konco-konco Dato' Johan Arlington-Majid. Mereka membawa Muhammad Taufik ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana memberi peringatan agar mencari kawan yang setia.

5. **Peristiwa** : Nurul Hafsa berani membentangkan Projek Kawasan Simpan Langit Gelap di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam di bangunan SUK Shah Alam. Nurul Hafsa juga berani mempertahankan hujahnya apabila disoal oleh Dato' Johan Arlington-Majid.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana menunjukkan keberanian seorang gadis dalam menyatakan pendapat.

6. **Peristiwa** : Tan Sri Muhaimin bekerjasama dengan pihak polis untuk mencari jalan penyelesaian dalam kes penculikan anaknya, Muhammad Taufik. Orang ramai juga memberikan kerjasama kepada pihak polis dengan memberitahu tempat penculik menyembunyikan Muhammad Taufik.

**Huraian** : Peristiwa ini sukar dilupakan oleh pembaca kerana kerjasama antara masyarakat dengan pihak polis dapat mencegah jenayah.

**Nota** : Peristiwa yang lain boleh diterima sekiranya sesuai

**BAHAGIAN C : RUMUSAN**  
**[30 markah]**

**Soalan 9**

Markah penuh **30** dibahagikan kepada:

- (a) Isi - 20 markah  
(b) Bahasa - 10 markah

**(a) Isi [20 markah]****Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
  - perkataan berganda
  - penggunaan kata sendi di dan ke
  - tarikh
  - angka yang ditulis dengan nombor dan perkataan
  - gelaran
  - penanda wacana
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja, yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.
- (v) Calon perlu mengambil sekurang-kurangnya 1 isi daripada setiap fokus dan daripada setiap bahan.
- (vi) Jumlah isi maksimum yang diterima daripada **semua fokus** dan **semua bahan** ialah 8 isi yang lengkap sahaja.

Bahagian	Bilangan Isi	Bilangan Isi Diterima												Markah maksimum	
<b>(i) Pendahuluan</b>														2	
<b>(ii) Isi Bahan 1</b>														16	
Fokus 1 (punca / faktor / sebab)	4	4	4	4	3	3	3	3	2	2	2	1	1		1
Fokus 2 (langkah / cara / kaedah / usaha)	4	2	1	1	3	2	2	1	4	3	3	4	4		3
<b>(iii) Isi Bahan 2</b>															
Fokus 2 (langkah / cara / kaedah / usaha)	2	1	2	1	1	2	1	2	1	2	1	2	1		2
<b>(iv) Isi Bahan 3</b>															
Fokus 1 (punca / faktor / sebab)	2	1	1	2	1	1	2	2	1	1	2	1	2	2	
<b>Jumlah Isi</b>	12	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	
<b>(v) Penutup / Kesimpulan</b>														2	
<b>Jumlah Markah</b>														<b>20</b>	

## (b) Bahasa [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
Cemerlang	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan ayat <i>sangat</i> baik</li> <li>• Bahasa <i>sangat</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan <i>sangat</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Baik	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan ayat baik</li> <li>• Bahasa <i>masih</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata <i>masih</i> luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan <i>masih</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Sederhana	3 - 4 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kesenambungan ayat <i>kurang</i> baik</li> <li>• Bahasa <i>kurang</i> gramatis dari segi kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat serta mengikut sistem ejaan rumi baharu</li> <li>• Penggunaan kosa kata <i>kurang</i> luas dan tepat</li> <li>• Pengolahan <i>kurang</i> menarik dan berkesan</li> </ul>
Lemah	1 - 2 markah	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan / kurang atau tidak difahami</li> </ul>

**Nota:**

- (i) Jika menjawab dalam bentuk poin / fakta markah bahasa adalah pada peringkat lemah.
- (ii) Jika markah isi 6 markah dan ke atas, markah bahasa dinilai seperti biasa.  
(rujuk jadual)
- (iii) Jika markah isi 5 markah dan ke bawah tetapi bahasa *sangat baik*, markah maksimum bahasa ialah 5 markah.
- (iv) Jika disalin **bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang 120 patah perkataan, beri 0 markah bahasa.
- (v) Jika rumusan kurang daripada 120 patah perkataan, markah bahasa dinilai seperti biasa.

[ Maksimum: 10 markah]

**Pendahuluan [2 markah]**

	<b>Markah</b>
P1 ...membincangkan punca-punca / faktor-faktor / sebab-sebab pencemaran sungai dan langkah-langkah / cara-cara / kaedah-kaedah / usaha-usaha mengatasi pencemaran sungai	2
P2 ...membincangkan punca-punca / faktor-faktor / sebab-sebab pencemaran sungai	1
P3 ...membimbangkan langkah-langkah / cara-cara / kaedah-kaedah / usaha-usaha mengatasi pencemaran sungai	1

**Isi [16 markah]****FOKUS 1: punca-punca / faktor-faktor / sebab-sebab pencemaran sungai****Bahan 1**

A1 najis khinzir yang dibuang terus ke sungai	2
A2 segelintir masyarakat menganggap sungai sebagai tong sampah	2
A3 pihak tidak bertanggungjawab rakus membuka kawasan hutan	2
A4 air kumbahan dilepaskan ke dalam sungai	2

**Bahan 3**

B1 orang menuba ikan	2
B2 orang menternak binatang di dalam sungai	2

**FOKUS 2: langkah-langkah / cara-cara / kaedah-kaedah / usaha-usaha mengatasi pencemaran sungai****Bahan 1**

C1 perundangan alam sekitar wajar dikaji semula dengan mengenakan tindakan lebih tegas kepada individu yang mencemarkan sungai	2
C2 aplikasi sistem saliran bandar mapan (SUDS) perlu diperluas	2
C3 air kumbahan dirawat atau disalurkan ke pembedung	2
C4 setiap individu perlu mempunyai kesedaran dalam memelihara dan memulihara sungai	2

**Bahan 2**

D1 mengadakan kempen menyayangi sungai	2
D2 melaporkan jika terlihat pelaku pencemaran sungai	2

**Kesimpulan [ 2 markah]**

K1 Kesimpulannya, pencemaran sungai perlu diatasi agar negara sejahtera	2
K2 Kesimpulannya, pencemaran sungai perlu diatasi	1

**(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)**